

SEKILAS INFO

PUSAT PERANCANGAN STRATEGIK, PENGURUSAN KUALITI & RISIKO



MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO BIL. 02/2025

Pada 17 September 2025, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Bil. 2/2025 yang dipengerusikan oleh YBhg. Datu Ik @ Pahon anak Joyik telah diadakan. Mesyuarat ini menjadi kesinambungan kepada sesi terdahulu dan terus memainkan peranan sebagai wadah penting bagi memperkukuh budaya tadbir urus risiko di UNIMAS. Penganjuran mesyuarat secara berkala ini mencerminkan komitmen universiti dalam memastikan pengurusan risiko dilaksanakan secara konsisten, sistematik dan bersepadu.


AUDIT PENSIJILAN SEMULA QMS & ISMS OLEH SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD

Audit luaran oleh SIRIM QAS International bagi tujuan pensijilan semula (*recertification*) telah dijalankan pada 8 hingga 10 September 2025 melibatkan lima orang auditor luar, bagi mengesahkan keberkesanan sistem di UNIMAS serta memastikan pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa terus dikekalkan. Audit ini merangkumi skop pensijilan ISO 9001:2015 yang meliputi pengurusan akademik, perkhidmatan pelajar, penyelidikan, sumber ilmu, perumahan mahasiswa dan hasil, serta skop pensijilan ISO/IEC 27001 yang menekankan aspek keselamatan maklumat Sistem Pengurusan Pelajar (SPP) meliputi pendaftaran pelajar, pendaftaran kursus, penjaan keputusan penilaian dan penyediaan sijil.



MESYUARAT JAWATANKUASA STRATEGI DAN KUALITI UNIMAS BIL. 02/2025 KE-34

Mesyuarat JSKU Bil. 2/2025 Ke-34 telah diadakan pada 22 September 2025 dan dipengerusikan oleh Naib Canselor UNIMAS. Mesyuarat ini berfungsi sebagai platform utama dalam menyelaras agenda strategik dan kualiti universiti secara menyeluruh. Antara perkara yang dibentangkan termasuk laporan audit QMS dan ISMS, cadangan pindaan skop pensijilan, serta pelaporan kemajuan UNIMAS *Action Plan* 2025 bagi suku kedua. Mesyuarat turut meneliti perkembangan Pelan Strategik UNIMAS 2026–2030, di samping menerima laporan pelaksanaan Program *Signature* dan Program *Bottom Up* Halatuju Pendidikan Tinggi 2025. Keseluruhannya, mesyuarat ini menegaskan komitmen UNIMAS dalam memastikan tadbir urus strategik dan kualiti universiti sentiasa berdaya saing, bersepadu dan selaras dengan aspirasi jangka panjang institusi.



BENGKEL PENETAPAN PELAN STRATEGIK UNIMAS 2030

Pada 30 September 2025, Bengkel Penetapan Pelan Strategik UNIMAS 2030 telah diadakan di *Staff Lounge*, UNIMAS dan dihadiri oleh barisan kepimpinan universiti. Sebagai salah satu fasa penting dalam proses pembangunan Pelan Strategik UNIMAS 2030, bengkel ini memberi ruang untuk semua pihak berkepentingan membincangkan, menyelaras dan memuktamadkan hala tuju universiti dalam tempoh lima tahun akan datang. Perbincangan yang dijalankan secara kolaboratif ini menekankan keperluan untuk memastikan setiap *Strategic Focus* dirangka dengan jelas, bersepadu dan mampu memberikan impak yang signifikan kepada kecemerlangan akademik, penyelidikan, inovasi, pembangunan bakat serta kelestarian institusi. Melalui penganjuran bengkel ini, UNIMAS menegaskan komitmennya untuk merangka sebuah pelan strategik yang inklusif dan berfokus masa depan, selaras dengan aspirasi universiti sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berdaya saing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

PROGRAM SQRC SEPTEMBER 2025

Bil.	Perkara	Tarikh
1.	Perjumpaan Unit Pengurusan Risiko bersama Naib Canselor	2 Sept 2025
2.	Perjumpaan Unit Pengurusan Risiko bersama UCC	2 Sept 2025
3.	Audit Pensijilan Semula QMS & ISMS oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.	8 - 10 Sept 2025
4.	Penyediaan Draf Dasar dan Garis Panduan Pengurusan Risiko (DGPR)	11 - 12 Sept 2025
5.	Bengkel Semakan Dalaman Unit Strategi bagi Pelan Strategik UNIMAS 2026-2030	11 - 12 Sept 2025
6.	Mesyuarat JKPR Bil. 2/2025	17 Sept 2025
7.	Mesyuarat JSKU Bil. 2/2025 Ke-34	22 Sept 2025
8.	Bengkel Penetapan Pelan Strategik UNIMAS 2030	30 Sept 2025



PENGURUSAN & PENTADBIRAN

Pengarah, Prof Gs. Dr Tarmiji Masron | **Timbalan Pengarah**, Prof Madya Dr Helen Tan Sui Hong & Ir. Dr Marini Sawawi | **Ketua Penolong Pendaftar**, Puan Dayang Zuliana Abang Abdul Rahman | **Penolong Pendaftar Kanan**, Puan Dayang Mazina Awang Batu | **Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan**, Encik Mohd Hairulnizam Mohd Zamri | **Penolong Pegawai Tadbir Kanan**, Puan Adeline Ann Lubi | **Penolong Pegawai Tadbir**, Puan Nur Shereen Ezaty Mohamed Fauzi | **Setiausaha Pejabat**, Puan Nur Aishah Jori | **Pembantu Tadbir Kanan**, Puan Norisa Mohamad Sahari | **Pembantu Tadbir**, Cik Siti Afizah Jamil & Encik Mohd Hafizuddin Sulaiman | **Pembantu Operasi**, Encik Rozaimi Anis

eISSN 2948-5088



STRATEGIC PLANNING, QUALITY
& RISK MANAGEMENT CENTRE

Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko
Universiti Malaysia Sarawak
Aras 3, Canselor
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia
<http://www.sqrc.unimas.my/>